

07 MAY 1996

Anwar-Pencalonan

J/K PENGURUSAN KAJI TINDAKAN TERHADAP BAHAGIAN YANG ENGGAR

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan Umno akan meneliti sama ada perlu atau tidak tindakan disiplin diambil terhadap mana-mana bahagian yang mencalonkan orang lain bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden untuk pemilihan parti itu Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno yang membuat keputusan supaya bahagian-bahagian parti hanya mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan beliau sebagai timbalan presiden tidak membincangkan soal tindakan itu.

"Kita tak bincang sampai tahap itu tetapi saya akan bawa perkara ini kepada jawatankuasa pengurusan supaya meneliti," kata Anwar, yang juga pengerusi jawatankuasa itu ketika ditanya pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah bangunan baru Pusat Perkembangan Industri Sekuriti dan Suruhanjaya Sekuriti di Persiaran Bukit Kiara di sini hari ini.

Sabtu lepas, mesyuarat bulanan MT Umno membuat keputusan bahawa penyandang kedua-dua jawatan itu tidak perlu mendaftar untuk bertanding seperti bagi jawatan-jawatan lain tetapi bahagian-bahagian masih perlu mencalonkan mereka untuk mengekalkan jawatan masing-masing.

Keputusan itu selaras dengan resolusi Perhimpunan Agung tahun lepas bahawa jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan.

Anwar berkata, keputusan supaya bahagian-bahagian hanya mencalonkan penyandang kedua-dua jawatan itu bukan satu paksaan terhadap anggota Umno dan tidak merampas hak mereka untuk menentukan calon pilihan.

Beliau mengakui bahawa MT Umno tidak mempunyai kuasa untuk memaksa bahagian-bahagian parti supaya hanya mencalonkan mereka.

"Kita tidak boleh paksa, itu bukan tujuan kita...kita anggap selalunya badan tertinggi yang membuat keputusan ialah perhimpunan," katanya.

Katanya, resolusi yang dibuat oleh Perhimpunan Agung itu selaras dengan proses demokrasi kerana para perwakilan yang membuat keputusan dan MT kini hanya melaksanakan keputusan itu.

"Jadi kita hanya minta ahli menghormati semangat dan keputusan perhimpunan," katanya.

Mengenai rayuan beberapa anggota Umno termasuk Tajuddin Abdul Rahman dari Pasir Salak dan Datuk Shahrir Abdul Samad dari Johor Baharu, terhadap tindakan disiplin yang dikenakan kepada mereka beberapa bulan lepas, Anwar berkata Jawatankuasa Disiplin akan membuat perakuan kepada MT tidak lama lagi.

Tajuddin dipecat kerana dakwaan mengamalkan politik wang manakala Shahrir digantung keanggotaannya berikutan aduan yang beliau menyokong calon pembangkang pada pilihan raya umum tahun lepas. -- BERNAMA

AH NMO